

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK WEE JECK SENG  
(TANJONG PIAI)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. DATUK WEE JECK SENG [ TANJONG PIAI ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan statistik Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit ataupun AKPK mengikut jumlah orang yang dalam "*Debt Management Program*" ataupun DMP, jumlah hutang tertunggak terkini orang dibawah DMP, jumlah orang yang berjaya membayar balik hutang mereka dibawah DMP dan dibebaskan daripada DMP dan AKPK sejak DMP dilaksanakan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) telah ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) pada tahun 2006 bagi menawarkan khidmat nasihat

dan kaunseling kewangan serta Program Pengurusan Kredit (PPK) secara percuma kepada orang ramai. Menerusi PPK, AKPK akan membantu peminjam menstabilkan kedudukan kewangan mereka dengan mengenalpasti kedudukan kewangan semasa, menyusun semula perbelanjaan isi rumah, menyediakan bajet serta pelan pembayaran balik hutang dengan persetujuan pihak institusi kewangan.

Statistik peminjam di bawah PPK yang ditawarkan oleh AKPK sejak penubuhannya hingga kini adalah seperti berikut :

	April 2006 hingga September 2016
Jumlah peserta di bawah PPK	151,247 orang
Jumlah hutang yang terlibat	RM13,908.2 juta
Jumlah peserta yang telah berjaya menyelesaikan hutang di bawah program PPK	11,381 orang